

SOALAN NO. 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan apakah jenis bantuan segera yang boleh diberikan kepada
golongan wanita yang baru kematian suami dan mereka juga tiada
pekerjaan serta menanggung anak yang ramai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab membantu keluarga yang berpendapatan rendah serta mereka yang memerlukan, termasuklah golongan wanita atau ibu tunggal yang kematian suami yang mempunyai anak dalam tanggungan.

Antara bantuan yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu golongan wanita atau ibu tunggal yang miskin atau tiada sumber pendapatan serta mempunyai anak dalam tanggungan adalah seperti berikut:

a) Skim Bantuan Kanak-Kanak

JKM menyediakan bantuan kebajikan melalui skim Bantuan Kanak-kanak kepada keluarga miskin yang menanggung anak berumur di bawah 18 tahun dengan kadar minimum RM100 sebulan seorang dan maksimum RM450 sebulan untuk satu keluarga.

Pada tahun 2012, RM121 juta telah disalurkan di bawah skim Bantuan Kanak-Kanak, yang memberi manfaat kepada 41,179 orang Ibu Tunggal. Bagi tahun 2013, RM139 juta telah disalurkan melalui skim Bantuan Kanak-Kanak, yang memberi manfaat kepada 45,669 orang Ibu Tunggal dan pada tahun 2014 (hingga Mei) RM45 juta telah disalurkan melalui skim Bantuan Kanak-Kanak, yang memberi manfaat kepada 35,419 orang Ibu Tunggal.

b) Skim Bantuan Am

Bantuan Am adalah bantuan yang disalurkan bagi menampung perbelanjaan harian klien dan keluarga. Kadar Bantuan Am adalah RM80 seorang dan maksimum RM350 sekeluarga.

Pada tahun 2012, RM41 juta telah disalurkan di bawah skim Bantuan Am, yang memberi manfaat kepada 20,099 orang Ibu Tunggal. Bagi tahun 2013, RM48 juta telah disalurkan melalui skim Bantuan Am, yang memberi manfaat kepada 21,583 orang Ibu Tunggal dan pada tahun 2014 (hingga Mei) RM16 juta telah disalurkan melalui skim Bantuan Kanak-Kanak, yang memberi manfaat kepada 17,205 orang Ibu Tunggal.

c) Skim Bantuan Geran Pelancaran

Bantuan Geran Pelancaran adalah bantuan sekaligus dengan kadar maksimum RM2,700.00 bagi membantu klien Jabatan termasuk golongan wanita atau ibu tunggal yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi. Ini adalah bagi membolehkan mereka menjadi lebih produktif dan berusaha ke arah hidup berdikari serta meningkatkan taraf hidup mereka.

Pada tahun 2012, RM779 ribu telah disalurkan di bawah skim Bantuan Geran Pelancaran, yang memberi manfaat kepada 312 orang Ibu Tunggal. Bagi tahun 2013, RM293 ribu telah disalurkan melalui skim Bantuan Geran Pelancaran, yang memberi manfaat kepada 119 orang Ibu Tunggal dan pada tahun 2014 (hingga Mei), RM113 ribu telah disalurkan kepada 45 orang Ibu Tunggal.